



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَبَاتُ حَالِ الْهَوَالِ الْاِسلامِيَّةِ نِجَرِي سَابَا

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

12 SYAWAL 1446H / 11 APRIL 2025M

“SABAR DAN TOLERANSI: KUNCI KEHARMONIAN DALAM RUMAH TANGGA”

Disediakan oleh:

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH JUMAAT

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

وَالَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ

إِمَامًا ﴿٧٤﴾ (الفرقان: 74)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ
إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ.

فَقَالَ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ

مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾ (آل عمران: 102)

SIDANG JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam keredaan Allah SWT. Khatib mengingatkan para jemaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara yang sia-sia. Mudah mudahan, kita semua akan memperolehi rahmat Allah, dan menjadi orang-orang yang berjaya di dunia dan akhirat. Mimbar pada hari yang mulia ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk: **“SABAR DAN TOLERANSI: KUNCI KEHARMONIAN DALAM RUMAH TANGGA.”**

SIDANG JEMAAH YANG DIREDAI ALLAH,

Keluarga merupakan komponen penting dalam proses pembentukan masyarakat dan negara. Islam memandang keluarga sebagai sebuah institusi pencorak masyarakat yang bakal dibina. Di dalam Islam tanggungjawab kepimpinan keluarga pada asasnya terletak pada kaum lelaki. Walau bagaimanapun dalam memastikan kejayaan institusi ini, kedua-dua belah pihak iaitu suami dan isteri seharusnya memainkan peranan yang sama penting.

Dalam kehidupan berumah tangga, setiap pasangan pasti akan menghadapi pelbagai cabaran dan ujian, sama ada dalam bentuk perbezaan pendapat, masalah kewangan, tekanan kerja, mendidik anak-anak, ataupun konflik yang lain. Ini adalah sebahagian daripada lumrah kehidupan yang tidak dapat dielakkan kerana setiap individu mempunyai latar belakang, pemikiran dan emosi yang berbeza.

Islam mengajarkan bahawa kesabaran dan toleransi adalah kunci utama dalam mengekalkan keharmonian rumah tangga.

JEMAAH JUMAAT YANG BUDIMAN,

Kesabaran bermaksud kemampuan untuk mengawal emosi, bertindak dengan bijaksana, dan tidak bertindak secara terburu-buru apabila menghadapi situasi yang mencabar. Contohnya, apabila berlaku salah faham antara suami dan isteri, seseorang yang bersabar tidak akan terus marah atau bertindak kasar, sebaliknya akan berusaha mencari jalan penyelesaian yang baik.

Toleransi pula bermaksud sikap bertolak ansur dan memahami perasaan serta keperluan pasangan. Dalam rumah tangga, tidak semua perkara dapat berjalan mengikut kehendak individu. Sikap toleransi ini sangat penting bagi memastikan setiap pasangan saling

menghormati dan menerima kekurangan serta kelebihan masing-masing.

Allah SWT berfirman dalam surah al-Baqarah, ayat 153:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اسْتَعِينُوا بِالصَّبْرِ وَالصَّلَاةِ إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ ﴿١٥٣﴾

Maksudnya: *“Wahai sekalian orang yang beriman! Mintalah pertolongan dengan bersabar dan dengan (mengerjakan) sembahyang; kerana sesungguhnya Allah menyertai orang yang sabar.”*

Ayat ini menegaskan bahawa kesabaran merupakan kunci utama dalam mengatasi pelbagai cabaran, termasuk dalam hubungan suami isteri. Tanpa kesabaran, rumah tangga akan mudah goyah dan menghadapi pelbagai konflik yang boleh meruntuhkan institusi keluarga.

SIDANG JEMAAH YANG BERBAHAGIA,

Dalam kehidupan berumah tangga, pelbagai dugaan atau ujian pasti akan berlaku sama ada kecil atau besar. Setiap manusia mempunyai kelemahan dan kekurangan. Dalam perkahwinan, pasangan harus menerima kekurangan tersebut dengan hati yang terbuka dan bersikap sabar dalam menghadapinya. Misalnya, jika pasangan memiliki tabiat yang kurang menyenangkan, kita harus menasihatinya dengan cara yang baik dan penuh hikmah.

Pertengkaran dan salah faham adalah perkara biasa dalam rumah tangga. Namun, cara menangani konflik tersebutlah yang menentukan keharmonian sesebuah keluarga. Suami dan isteri perlu bersabar dalam berbicara, elakkan kata-kata kasar, dan mendengar dengan

penuh perhatian sebelum memberikan pendapat. Rasulullah SAW bersabda:

Mafhumnya: *“Orang mukmin yang paling sempurna imannya ialah yang paling baik akhlaknya, dan sebaik-baik kamu ialah yang paling baik terhadap isterinya.”* (Hadis Riwayat Tirmizi)

Hadis ini menunjukkan bahawa seorang suami yang baik adalah yang bersabar dan berlemah lembut terhadap isterinya, begitu juga seorang isteri harus bersabar dan menghormati suaminya.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Setiap pasangan mempunyai cara berfikir yang berbeza. Perbezaan pendapat antara pasangan boleh timbul semasa membuat keputusan. Justeru, sikap toleransi amat penting supaya setiap keputusan diambil secara bersama dengan menghormati pandangan pasangan masing-masing. Dalam rumah tangga, suami dan isteri mempunyai tanggungjawab yang berbeza tetapi saling melengkapi. Suami bertanggungjawab untuk mencari nafkah, manakala isteri bertanggungjawab untuk menguruskan rumah tangga.

Sekiranya pasangan dalam sesebuah rumahtangga dapat menerima segala kekurangan mahupun kelemahan pasangan, boleh jadi setiap ujian atau konflik yang berlaku dapat di atasi dengan peranan yang dilakukan secara kolektif dan berkesan.

Menyimpul khutbah jumaat minggu ini, khatib menyeru dan mengingatkan Jemaah sekalian agar sentiasa berlapang dada serta sabar dalam kehidupan berumah tangga dengan mengambil pendekatan berikut:

Pertama: sabar dalam menerima ujian. Kedua-dua pasangan hendaklah berusaha merungkai isu atau masalah yang berlaku dengan jalan sabar dan berlapang dada.

Kedua: berpegang teguh kepada ajaran Islam, berakhlak mulia dan saling menerima akan kelebihan mahupun kekurangan yang ada pada pasangan.

Ketiga: laksana amanah dan tanggungjawab. Setiap pasangan ada peranan masing-masing. Maka lakukan amanah serta tanggungjawab tersebut selaras dengan tuntutan agama. Semoga Allah SWT kurniakan kerukunan dalam melayari bahtera rumahtangga.

Allah SWT berfirman dalam surah ar-Rum, ayat 21:

وَمِنْ ءَايَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ
بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾

Maksudnya: *“Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan-Nya dan rahmat-Nya, bahawa Dia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dah hidup mesra dengannya, dan dijadikannya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir.*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ، إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:
إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتُهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.
آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ
وَالصَّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا كِبَاوَه دُولِي يَغْ مَهَا مَوْلَانَا سَرِي قَادُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفَرْتَوَان
اكَوْغْ وَكَذَلِكَ عَلَى فَخَامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانْ يَغْ تَرَاوَتَامْ يَغْ دَفَرْتَوَانْ نَكْرِي سَابَه .
وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ.
اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا
بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, selamatkanlah saudara kami yang dizalimi di bumi barakah Palestin, kasihani dan limpahkanlah Rahmat-Mu ke atas mereka.

Ya Allah! Naungilah kehidupan, negeri dan juga negara kami. Hiasilah diri kami dengan sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat yang keji. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah

mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA:

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Hubungi [088-522127](tel:088-522127) / jheains.penerbitan@gmail.com untuk sebarang pertanyaan / maklumat lanjut.